

Rekod cemerlang sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan jadi senjata ampuh

Biar Tok Mat lawan Anwar

Oleh RASDAN AHMAD
dan NORAINI HASSAN BASRI

KUALA LUMPUR – Rekod cemerlang Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan bagi tempoh 2004 hingga Mei 2018 meletakkan beliau sebagai calon terbaik bagi menentang bakal Presiden Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Port Dickson.

Menurut penganalisis politik, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, Mohamad atau Tok Mat sebagai seorang figura yang mempunyai pengaruhnya tersendiri kerana pernah menjadi Menteri Besar di negeri tersebut selama tiga penggal.

“Sudah terbukti di bawah kepimpinan Mohamad selama ini, Negeri Sembilan telah diiktiraf



MOHAMAD



ANWAR



IZANI



UMMU ATIYAH

sebagai negeri yang semakin maju dan hebat.

“Anwar adalah satu nama besar dan saya percaya bukan mudah bagi blok pembangkang untuk meletakkan calon untuk menentang beliau. Bagaimanapun, andai Mohamad bertanding dan kalah sekalipun keputusan tersebut tidak akan sesekali mencalarkan kredibilitinya sebaliknya wajar dipuji kerana menyahut cabaran untuk bertanding,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas me-

ngenai calon yang paling sesuai bagi menghadapi bakal Perdana Menteri kelapan itu di PRK kerusi Parlimen Port Dickson.

Kosmo! semalam melaporkan, Datuk Danyal Balagopal Abdulah telah meletakkan jawatannya sebagai Ahli Parlimen Port Dickson berkuat kuasa kelmarin bagi memberi laluan kepada Anwar untuk bertanding dalam PRK tersebut.

Sebelum ini, Danyal Balagopal memenangi kerusi terbabit dengan 36,225 undi mengalahkan Datuk Mogan Velayatham dari

Barisan Nasional dan calon Pas, Mahfuz Roslan dengan majoriti 17,710 undi.

Ummu Atiyah yang juga Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia berkata, siapa pun calon yang akan bertanding walau Mohamad sekalipun, individu tersebut dianggap sebagai seorang yang amat berani kerana bakal berdepan tentangan bukan calang-calang orangnya.

Pandangan tersebut turut disokong oleh Penganalisis Politik Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Izani Mohd. Zain yang berpendapat hanya Mohamad merupakan figura yang paling sesuai berdepan dengan Anwar.

“Mohamad adalah seorang pemimpin UMNO yang dihormati dalam kancah politik. Sekiranya beliau tewas, itu tidak akan jejasakan populariti beliau.

RINGKAS

Pas restu UMNO bertanding

KUALA TERENGGANU - Pas akan memberi laluan kepada UMNO untuk bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) kerusi Parlimen Port Dickson bagi menghadapi bakal Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Dr. Mahfodz Mohamed berkata, keputusan tersebut dicapai pada Mesyuarat Khas Jawatankuasa Harian Pas Pusat yang dipengerusikan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang di sini kelmarin.

“Sokongan akan diberikan kepada UMNO,” katanya ketika ditemui pada Muktamad